Source: *Berita Harian,* p17
Date: 2 July 2016



KUNJUNGAN MUHIBAH: Wakil persatuan pelajar NUS beramah tamah dengan Encik Saat *(dua dari kiri)* dan kakitangan BH/BM. – Foto A. RAHMAN BASRUN

Pemimpin pelajar NUS kunjungi BH

▶**UMMU A. HAMID**
hummu@sph.com.sg

SEKUMPULAN pemimpin pelajar Universiti Nasional Singapura (NUS) baru-baru ini berpeluang melihat dengan lebih dekat operasi bilik berita *Berita Harian* serta meneroka kerjasama lebih rapat dengan akhbar ini di masa depan.

Acara itu diadakan dalam rangka usaha akhbar ini mendekati pembaca, pihak berkepentingan serta pemimpin masyarakat demi memperkukuh kerjasama yang saling membawa manfaat.

Dalam kunjungan itu, beberapa pemimpin pelajar NUS berpeluang beramah tamah dengan Editor Berita Harian/Berita Minggu Encik Saat A Rahman, kakitangan kanan serta wartawan BH/BM.

Antara pemimpin pelajar yang hadir di sesi ialah wakil daripada Persatuan Bahasa Melayu Universiti Kebangsaan Singapura (PBMUKS), Persatuan Pengajian Melayu NUS (NUSMSS) dan Persatuan Muslim NUS (NUSMS).

Menurut Presiden PBMUKS, Said Mahadi Said Iziddin, usaha tersebut merupakan sesuatu yang baik kerana beliau telah lebih mendalami akan peri pentingnya peranan generasi muda:

"Saya pun akur bahawa anak muda harus ambil inisiatif untuk kerap menyumbang menerusi media sedia ada seperti *Berita Harian* bagi memimpin masyarakat.

"Selain itu kami boleh menggunakan peluang yang boleh kami dapati menerusi rangkaian di antara pihak kami dan *Berita Harian* bagi lebih membantu kami dalam usaha ini," ujar siswa tahun keempat dalam jurusan Pengajian Melayu dan Sejarah itu.

Di acara itu pemimpin pelajar diberi taklimat tentang usaha akhbar ini membangunkan dan menarik bakat dalam bidang media.

Mahasiswa yang hadir juga dimaklumkan tentang cara mendapatkan pendanaan bagi membiayaai pelbagai program masing-masing.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.